

TDM : Ke arah perkembangan perniagaan yang mampan

Usaha mekanisasi dan pendigitalan bertujuan membina daya tahan jangka panjang yang mampan merentasi bahagian penjagaan kesihatan dan perladangan

KUALA TERENGGANU: TDM Berhad (TDM) pada 8 Jun telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-58 untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 ("TK2022") dan terus komited dalam usaha mengoptimalkan prospek perniagaan jangka panjang serta membina daya tahan bagi memastikan keselamatan segmen perniagaan utamanya.

TDM melanjutkan Visi 2025 kepada Visi 2027, bersama Pelan Strategik Perniagaan Lima Tahun (2023 - 2027) melalui penglibatan pihak berkepentingan yang meluas dan analisis kecenderungan risiko bagi kedua-dua segmen perniagaan.

Dalam tempoh lima tahun akan datang, tumpuan utama Kumpulan adalah untuk meningkatkan pendapatan dengan memenuhi permintaan yang semakin meningkat terutamanya dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pelancongan kesihatan. Bahagian Penjagaan Kesihatan akan meningkatkan kapasitinya melalui penambahan katil dan meluaskan lagi perkhidmatan dengan menawarkan rawatan sub-kepakaran baharu. TDM turut merancang untuk menggunakan pakai pendekatan 'asset-light' dengan mengembangkan rangkaian hospitalnya melalui pengaturan pajakan dan jualan-pajakan balik. Strategi ini juga akan sekaligus membantu dalam usaha mendapatkan tapak brownfield serta pembangunan kemudahan baharu. Melalui pelaksanaan pendigitalan, Kumpulan komited untuk menambah baik keseluruhan pengalaman pesakit dan mengoptimalkan prestasi operasi.

Di samping itu, dengan memanfaatkan rekod kejayaan syarikat dalam perniagaan minyak sawit mampan, Bahagian Perladangan secara aktif meneroka peluang untuk meningkatkan kecekapan operasi dan keberkesanan kos melalui pelaksanaan teknik mekanisasi terkini.

Bahagian Penjagaan Kesihatan

Kumpulan telah berjaya

mengambil alih Hospital Pakar Tawau dan menjenamakan semula sebagai KMI Tawau Medical Centre ("KMI Tawau") dan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk penjagaan kesihatan berkualiti, TDM telah mengambil langkah memulakan pembinaan sambungan baharu di KMI Tawau. Pembangunan ini akan menambah kapasiti sebanyak 52 katil ke hospital dan

hkan pengiktirafan jenamanya dalam pasaran sedia ada dengan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi dan kos efektif kepada masyarakat.

Beberapa inisiatif pendigitalan seperti menaik taraf sistem maklumat hospital dan pendigitalan sistem rekod perubatan elektronik (EMR) telah dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan pengli-

seperti Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO), pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) dan Pensijilan Kelestarian dan Karbon Antarabangsa yang diluluskan oleh Suruhanjaya Eropah (ISCC EU) yang membuktikan pematuhannya dalam piawaian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Bahagian ini akan menggunakan teknologi seperti inter-

masing-masing sebanyak RM36.3 juta dan RM17.0 juta.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 (TK2023), TDM akan terus mengutamakan rasionalisasi kos bagi mengurangkan kesan turun naik harga minyak sawit dan produk berkaitan. Pelaksanaan beberapa inisiatif pendigitalan di Bahagian Penjagaan Kesihatan dijangka dapat meningkatkan pengalaman pesakit yang lebih positif dan menjadikan pusat perubatannya sebagai penyedia penjagaan kesihatan pilihan utama. Inisiatif-inisiatif ini dijangka memberi impak positif kepada keuntungan Kumpulan, menyumbang kepada pertumbuhan berterusan bahagian perniagaan.

Pelupusan Bahagian Perladangan Indonesia

Selaras dengan inisiatif pengewangan aset Kumpulan, TDM telah memeterai Perjanjian Pembelian Saham Bersyarat (CSPA) dengan Ikhas Sawit Sdn Bhd pada 29 Julai 2022 untuk pelupusan anak syarikat Indonesia yang tidak memberikan keuntungan, PT Rafi Kamajaya Abadi (PT RKA) dan PT Sawit Rezki Abadi (PT SRA) dengan jumlah pertimbangan RM115.0 juta. PT RKA dikendalikan sepenuhnya oleh PT Ikhas Sawit Indo Makmur melalui pengaturan perkhidmatan pengurusan yang bermula pada 1 Ogos 2022.

Ulasan daripada Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM - "Melihat kepada kewangan semasa dan hal-atu yang disasarkan, kami yakin dengan keupayaan kami untuk memacu pertumbuhan jangka panjang dan meningkatkan operasi kami. Tumpuan kami pada inisiatif teknologi, memanfaatkan kuasa mekanisasi dan pendigitalan akan menjadi kunci untuk mencapai matlamat ini. Selain itu, kami secara aktif mempertimbangkan peluang untuk mengembangkan perniagaan kami, secara organik dan bukan organik, untuk mencipta nilai jangka panjang buat para pemegang saham kami." - TDM/HFR



Melihat kepada kewangan semasa dan halatuju yang disasarkan, TDM yakin dengan keupayaannya untuk memacu pertumbuhan jangka panjang dan meningkatkan operasi.

dijadualkan siap menjelang Q4 2024. TDM menyasarkan untuk menjadikan pusat perubatannya sebagai salah satu penyedia penjagaan kesihatan pilihan yang terunggul dan dipercayai.

Pusat Perubatan KMI Kuantan akan meningkatkan kapasitinya dengan perancangan baharu untuk menambah 80 katil lagi. Kumpulan kini sedang merancang dan meneroka peluang untuk pembangunan hospital baharu yang dibina khas bagi meluaskan lagi rangkaian penjagaan kesihatannya.

Bahagian perniagaan telah memulakan langkah yang lebih berfokus kepada pelancongan kesihatan dan berhasrat untuk mengembangkan perkhidmatannya dengan menawarkan lebih banyak rawatan sub-kepakaran, disamping terus meningkatkan kualiti penjagaan pesakit. Kumpulan juga sedang mempergiatkan kehadiran jenamanya di kawasan geografi terpilih dan menguku-

batan pesakit. Projek perintis yang melibatkan iWard, penyelesaian pengurusan wad pintar, telah dijalankan di Pusat Perubatan KMI Kelana Jaya, dan dijadualkan beroperasi sepenuhnya pada Q3 2023. Dengan iWard, Kumpulan berharap dapat menjadi perintis dalam penggunaan inisiatif sedemikian di Malaysia.

Bahagian Perladangan

TDM bersedia untuk memulakan program penanaman semulanya, menyasarkan 1,977 hektar tanah pada tahun kewangan semasa yang bertujuan untuk menambah baik profil umur pokoknya. Di samping itu, Kumpulan sedang berusaha untuk mendapatkan Minyak Sawit Mampan Diperakui (CSPO) dan Isirung Sawit Mampan Diperakui (CSPK) yang lebih tinggi pada tahun 2023. Kumpulan telah pun memegang pensijilan daripada badan industri bereputasi

net of things (IoT) dan analisis data untuk memantau prestasi jentera dengan lebih baik dan menjadualkan penyelenggaraan pencegahan. Selain itu, Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan Sistem Kedudukan Global (GPS) turut digunakan untuk penanaman semula pokok kelapa sawit.

Prestasi Kewangan

Bagi TK2022, Kumpulan mencapai rekod tertinggi hasil tahun penuh sebanyak RM614.4 juta, peningkatan 20% daripada tahun sebelumnya. Hasil daripada bahagian perladangan meningkat sebanyak 17% kepada RM335.4 juta, manakala hasil daripada bahagian penjagaan kesihatan meningkat sebanyak 24% kepada paras tertinggi sepanjang masa iaitu sebanyak RM279 juta. Untuk keseluruhan tahun, TDM mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) dan Keuntungan Selepas Cukai (PAT)